

# RM7.5j wang ihsan untuk petani

UM 1/2

PUTRAJAYA 31 Jan. - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyediakan wang ihsan berjumlah RM7.479 juta untuk 6,700 orang penternak dan petani di Johor, Melaka, Negeri Sembilan serta Pahang yang terabit dengan banjir besar baru-baru ini.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kementerian akan mengeluarkan surat kepada para penerima wang ihsan itu bermula minggu depan bagi membolehkan mereka membuat tuntutan.

"Surat tersebut akan disahkan oleh pegawai bank dan ketua kampung terlebih dahulu bagi mengelak berlakunya tuntutan palsu.

"Pembayaran bergantung kepada jumlah kerugian yang ditanggung dan nilainya berbeza antara petani dan penternak," katanya.

Muhyiddin berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet kementerianya di sini hari ini.

Beliau berkata, seorang penternak yang kematian 10 ekor lembu akan menerima lebih banyak wang berbanding mereka yang

kematian satu atau dua ekor lembu.

Menurutnya, kerugian sebenar yang ditanggung oleh penternak dan petani di empat negeri yang dilanda itu dianggarkan RM60 juta sementara di Sabah RM7 juta tetapi kerajaan tidak akan membayar pampasan terhadap kerugian tersebut.

"Sebanyak RM1.746 juta wang ihsan telah diperuntukkan untuk Sabah tetapi senarai nama penerima belum lagi diserahkan kepada Bahagian Keselamatan Negara (BKN) untuk pengesahan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Muhyiddin berkata, sebuah jawatankuasa petugas yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohd. Shariff Omar telah ditubuhkan untuk menyemak semula senarai nama penternak dan petani yang mungkin tercicir serta kerosakan infrastruktur pertanian yang perlu diperbaiki.

Beliau menambah, kementerian juga akan meminta institusi perbankan menanggung bayaran ansuran pinjaman mangsa-mangsa yang mengalami kerugian teruk

akibat banjir.

"Kita juga akan minta bank menimbang memberikan semula pinjaman untuk petani dan penternak bagi memulakan projek baru menerusi Skim Kemudahan Jaminan Bantuan Istimewa (KJBI) berjumlah RM500 juta yang diumumkan Perdana Menteri sebelum ini," katanya.

Dalam pada itu, katanya, arahan berjaga-jaga tahap tinggi terhadap kemungkinan penularan semula penyakit selesema burung di negara ini telah dikeluarkan berikutan beberapa kes di negara-negara rantau ini.

Namun, Muhyiddin berkata, Malaysia masih bebas daripada penyakit itu dan peman-tauan setakat ini tidak menemui tanda-tanda penyakit berkenaan.

"Kita juga sudah arahkan semua kerajaan negeri mengambil langkah serupa dan mengawal ketat setiap pintu masuk negara termasuk bertindak merampas dan memusnahkan semua ayam, itik, unggas dan produk yang dibawa masuk ke Malaysia secara tidak sah," katanya.